

Tingkat 2, Blok A,  
Wisma Sri Pahang,  
25503 Kuantan,  
Pahang, Malaysia.

Level 2, Block A,  
Wisma Sri Pahang,  
25503 Kuantan,  
Pahang, Malaysia.



**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG**  
**STATE SECRETARY OF PAHANG**

• Telefon : 09-5162253  
09-5126601  
• Fax : 09-5156106

**SURAT PEKELILING**

**YB. SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG**

**BIL. 02 TAHUN 2008**

**EDARAN KEPADA:**

Pengarah Jabatan Tanah Dan Galian Negeri Pahang  
Semua Pegawai Daerah

**PERLAKSANAAN PENGGUNAAN PERISIAN CADIAN**

**1 TUJUAN**

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai penggunaan perisian CADian di Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pahang dan semua Pejabat Daerah dan Tanah di Negeri Pahang bagi melaksanakan kerja-kerja CAD.

## 2 LATAR BELAKANG

2.1 CAD (*Computer Aided-Design*) adalah kaedah penghasilan menggunakan rekabentuk untuk menunjukkan bahawa alatan CAD moden melakukan lebih dari 'drafting'. CADian adalah sistem CAD yang dipenuhi dengan ciri-ciri, cekap dan serba guna yang ditulis dalam format fail .DWG.

2.2 Objektif pelaksanaan penggunaan CADian ialah :-

2.2.1 Perisian yang mudah untuk digunakan dan memastikan kakitangan sektor awam tidak ketinggalan dalam bidang ICT;

2.2.2 Menggalakkan kakitangan sektor awam menggunakan kemudahan perisian terkini yang mampu membantu melaksanakan tugas harian dengan lebih cepat dan efisien; dan

2.2.3 Membantu pihak Kerajaan Negeri dalam penjimatan kos penyelenggaraan ICT.

2.3 Kelebihan penggunaan CADian adalah :-

2.3.1 Program CAD yang berkos rendah telah cuba untuk mewujudkan piawaian mereka sendiri sebagai pesaing dengan CAD program yang sedia ada. Harga rendah CADian membuatnya mampu untuk dimiliki oleh sesiapa yang mencipta dan menggunakan fail .DWG;

2.3.2 Format asli fail CADian adalah .DWG, maka apabila fail Autodesk AutoCAD yang telah sedia ada (R11 sehingga R2005 ) dibuka, tiada penukaran fail dan kehilangan data yang berlaku. CADian juga menyediakan ketinggian darjah keserasian melalui set arahan AutoCAD, sebagaimana AutoLISP dan ADS. Ini bermakna pengguna boleh melakukan kerja dengan cepat menggunakan fail - fail, arahan - arahan serta aplikasi – aplikasi AutoCAD yang digunapakai; dan

2.3.3 CADian menawarkan integrasi Microsoft Windows beserta ciri - ciri produktiviti yang unik, termasuklah keupayaan untuk membuka pelbagai lukisan dalam satu masa. 'Drawing Explorer' membenarkan pengguna untuk mengkaji semula atau menukar kandungan lukisan dengan menggunakan kemudahan '*drag-and-drop*' serta kepelbagaian menu dan *toolbar* – tiada pengaturcaraan diperlukan.

### 3 PERLAKSANAAN

3.1 Perlaksanaan penggunaan perisian CADian ini adalah diwajibkan kepada Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pahang dan semua Pejabat Daerah dan Tanah di Negeri Pahang, dimana perisian CADian tersebut telah dibekalkan oleh Kerajaan Negeri untuk tujuan perlaksanaan.

- 3.2 Ketua Jabatan diminta untuk memastikan pelaksanaan menggunakan perisian CADian ini berjalan lancar mengikut tujuan perisian tersebut dibekalkan.
- 3.3 Pihak Kerajaan Negeri tidak akan bertanggungjawab seandainya pihak audit mendapati perisian yang digunakan tidak mempunyai lesen yang dibenarkan.

#### 4 TARIKH KUATKUASA

- 4.1 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**(DATO' MUHAMMAD SAFIAN BIN ISMAIL, DSAP., DIMP., AAP., AMP)  
SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG**